

16 JUN 2003

MINYAK-AZIZAN/I

TINJAUAN INDUSTRI MINYAK ASIA LEBIH MEYAKINKAN, KATA AZIZAN

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Tinjauan am untuk industri minyak Asia dalam jangka pertengahan dilihat lebih meyakinkan dengan proses pemulihan yang berlaku di rantau ini, kata pengerusi Petroliaam Nasional Bhd (Petronas), Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Walaupun proses pemulihan ekonomi Asia tergelincir baru-baru ini akibat ketidak pastian politik dan penularan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS), "kita boleh mengharapkan pertumbuhan sederhana," katanya dalam ucapan alu-aluan di Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia Kelapan di sini hari ini.

Dengan pertumbuhan yang sederhana, permintaan untuk tenaga negara berpendudukan padat di Asia akan memberikan rangsangan yang mencukupi untuk meneruskan pelbagai rancangan dan projek bagi memenuhi permintaan terhadap tenaga yang semakin mengembang di rantau ini, katanya.

"Ia memerlukan inovasi meluas dan perubahan minda, dan akan membentuk asas kepada usaha serantau yang bersepadu di kalangan pemain utama dalam industri ini," tambahnya.

Persidangan ini dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. -- BERNAMA

MAS MAD SD JR